

Rasa Berang Terhadap Kekejaman Penjajah Dan Pengkhianatan Suku Bangsa Dalam Syair *Perang Mengkasar*

Anger Emotion On Colonial Brutality And Ethnic Betrayal In Syair Perang Mengkasar

FARIS IDZWAN^{1*} & ZUBIR IDRIS¹

¹Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.

*Penulis Koresponden: muhammadfarisidzwan@gmail.com

Received: 7 November 2025; Accepted: 22 Disember 2025

ABSTRAK

Syair Perang Mengkasar ialah contoh karya historiografi Melayu tradisional yang cukup sarat dengan propaganda antikolonial sebagai respons kepada penjajahan. Syair ini dikarang sekitar 1669/1670 selepas kekalahan Makassar kepada Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) dalam peristiwa Perang Makassar (1666–1669) untuk mengangkat semula kedudukan pemerintah dan maruah masyarakat Makassar. Melalui syair ini, emosi dan sudut pandangan kolektif masyarakat Makassar terhadap penjajah dan sekutunya diperlihatkan melalui jalinan peristiwa dan kekuatan bahasa dalam naratifnya yang bertujuan untuk dijadikan peringatan dan pengajaran kepada masyarakat di luar Makassar berhubung penjajahan bangsa asing. Sebagai karya propaganda antikolonial, syair ini cukup dominan dengan rasa berang yang dikembangkan melalui gambaran sikap penjajah yang kejam dan penglibatan suku bangsa Nusantara yang membantu penjajah dalam menjatuhkan Makassar. Justeru itu, makalah ini membincangkan rasa berang yang cukup dominan dalam Syair Perang Mengkasar yang dapat dikesan menerusi korelatif objektif dalam karya. Penelitian ini bersifat kualitatif melibatkan kaedah kajian kepustakaan dan penerapan teori Rasa-Fenomenologi (1998) sebagai kerangka teori kritikan sastera dengan penumpuan kepada korelatif objektif (penentu) rasa berang. Untuk tujuan analisis teks, penelitian ini memanfaatkan teks Syair Perang Mengkasar yang telah diselenggarakan oleh C. Skinner (1963). Hasil analisis menemukan bahawa rasa berang dalam syair ini banyak diperikan melalui kekejaman VOC dan sekutunya, Bugis yang diperlihatkan melalui peristiwa kekejaman serta penggunaan diksi dan frasa dalam rangkap-rangkap syair. Di samping itu, rasa berang juga ditampilkan pengarang menerusi pengkhianatan sebahagian pembesar dan rakyat Makassar yang membelot ketika peperangan, serta penglibatan suku peribumi Nusantara lain seperti Ambon, Buton dan Ternate dalam membantu VOC ketika peperangan dengan Makassar. Hasil daripada dapatan kajian ini dapat membuka wacana antikolonial dalam karya-karya sastera Melayu tradisional yang diolah secara indah untuk mempengaruhi audiens dengan mesej yang hendak disampaikan berhubung penjajahan.

Kata Kunci: Syair Perang Mengkasar; teori Rasa-Fenomenologi; rasa berang dalam syair; wacana antikolonial; Perang Makassar

ABSTRACT

Syair Perang Mengkasar is an example of Malay traditional historiography texts that heavily with anti-colonial discourse as a response to colonialism. This syair was written around 1669/1670 after Makassar was defeated by The Dutch East India Company (VOC) during Makassar War (1666–1669) to restore the status of the ruler and the pride of the Makassarese. Throughout this syair, the emotion and collective point of view of Makassarese towards the coloniser and their allies depicted through the interplay of the events and the strength of language usage in its narrative meant to serve as a lesson and reminder to the societies outside the Makassar about colonialism. As a work of anti-colonial propaganda, this syair is dominated by an intense sense of anger, developed through portrayals of the brutality and cruelty of the coloniser and the involvement of various of Nusantara ethnic groups who assisted the coloniser in the attack on Makassar. Accordingly, this article is discussing the emotion of anger which quite dominant in Syair Perang

Mengkasar which can be identified through the objective correlatives in text. This research is qualitative in nature involving library-based research approach and application of Rasa-Fenomenologi theory (1998) as a literary criticism theory framework with a focus on objective correlatives (determinants) of anger emotion. For textual analysis, this research using the text of Syair Perang Mengkasar edited by C. Skinner (1963). The result from the analysis found that the anger emotion and furious sentiments in this syair mainly evokes through the brutality of VOC and their allies, Bugis which represented through the events of cruelty and the choice of dictions and phrases in the stanzas of syair. Along with that, the furious sentiments also illustrated by the author through the betrayers among the nobles and people of Makassar who defected during the war; and involvement of other ethnics of Nusantara such as Ambonese, Butonese and Ternate that were helping VOC during the war on Makassar. The result from this discussion can contribute to the discourse of anti-colonial in Malay classical literary works which aesthetically written to influence the audiences with the intended messages concerning the colonialism.

Keywords: *Syair Perang Mengkasar; Rasa-Fenomenologi theory; furious sentiments in syair; anti-colonial discourse; Makassar War*

PENGENALAN

Karya sastra dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu tradisional tidak hanya berfungsi sebagai alat untuk hiburan, malah juga berperanan penting sebagai medium komunikasi massa dalam masyarakat (Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi 2015). Sebagai alat perantara komunikasi massa, karya-karya sastra Melayu tradisional amat sarat dengan mesej berunsur propaganda yang diselitkan melalui penceritaannya. Propaganda di sini merujuk kepada definisi yang dikemukakan oleh Jowett dan O'Donnell (1986), iaitu suatu bentuk komunikasi yang bertujuan membentuk kepercayaan serta mempengaruhi khalayak terhadap sesuatu pandangan atau idea yang cuba disampaikan oleh propagandis. Unsur sebegini cukup ketara dalam kepengarangan historiografi Melayu tradisional yang sememangnya dihasilkan dengan tujuan untuk memperkukuhkan kedudukan pemerintah dan golongan istana, khususnya selepas munculnya persaingan dengan kuasa asing (Ali Ahmad 1987). Oleh itu, banyak ditemukan wacana antikolonial dalam karya-karya historiografi Melayu tradisional, khususnya dalam bentuk syair yang banyak dihasilkan selepas bermulanya era kolonialisme bangsa Eropah di Nusantara sebagai satu respons kepada penjajahan (Zubir Idris 2013).

Syair Perang Mengkasar ialah salah satu contoh karya historiografi Melayu tradisional yang sarat dengan unsur propaganda antikolonial yang dikarang bertujuan untuk mengangkat semula kedudukan pemerintah dan maruah masyarakat Makassar selepas kekalahan dalam peperangan dengan kuasa asing (Koster 2005). Menurut Muhammad Yusoff Hashim (1992), karya ini telah dikarang sekitar 1669 atau 1670 dan merupakan karya tertua dalam penggolongan syair sejarah. *Syair Perang Mengkasar* memiliki 534 rangkap dan keseluruhan

isi kandungannya meriwayatkan peristiwa peperangan yang berlaku di Makassar pada 1666–1669 melibatkan Makassar dan Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC). Peperangan itu berakhir dengan kekalahan Makassar yang mengakibatkan negeri itu jatuh ke tangan penjajah. Skinner (1963) mendakwa bahawa pengarang syair ini merupakan pengarang Makassar yang berketurunan Melayu bernama Enci' Amin yang dipercayai merupakan jurutulis atau setiausaha kepada Sultan Hassanuddin (1653–1669), yakni sultan Kerajaan Gowa yang memimpin Makassar dalam peperangan itu. Karya ini dikatakan dihasilkan sebagai persembahan kepada baginda selepas kekalahan dalam Perang Makassar untuk mengembalikan semula maruah Makassar.

Seperkara yang menarik berhubung karya ini ialah ia dikarang dalam medium syair Melayu, meskipun Makassar memiliki bahasa dan tradisi kesusasteraan lokal tersendiri. Selain hakikat bahawa pengarangnya beretnik Melayu serta bahasa Melayu turut berperanan sebagai *lingua franca* dalam urusan perdagangan dan diplomatik di Makassar, karya ini juga berkemungkinan dihasilkan dalam bentuk syair Melayu bertujuan untuk disebarluaskan kepada masyarakat di luar wilayah Makassar (lihat Koster 2005: 73–74). Pandangan ini selari dengan pendapat yang pernah diketengahkan oleh Ahyar Anwar (2009) dalam penulisannya. Menurut beliau, syair ini tidak dihasilkan secara spesifik untuk audiens dalam kalangan masyarakat tempatan, tetapi ditujukan untuk masyarakat di luar Makassar, terutamanya masyarakat Melayu-Islam yang cukup gemarkan kisah-kisah yang bertemakan epik kepahlawanan Islam.

Melalui karya ini, pengarang dikesan cuba menyampaikan emosi peribadi serta sudut pandangannya yang selari dengan pandangan kolektif

masyarakat Makassar akan pengalaman perang yang telah menyaksikan hilangnya kemerdekaan tanah air mereka sebagai satu bentuk peringatan kepada masyarakat di luar Makassar tentang penjajahan kuasa asing. Enci' Amin berkemungkinan secara strategik telah memilih syair sebagai medium perantaraan komunikasi berhubung penjajahan ini kerana cukup arif tentang populariti syair dan ketinggian nilai estetikanya yang berupaya untuk menarik pendengar/pembaca (selepas ini disebut audiens) untuk larut dalam penceritaan serta dapat mempengaruhi ideologi audiens berhubung perkara yang hendak disampaikan oleh pengarang. Justeru itu, syair ini cukup syarat dengan mesej berunsur antikolonial yang melibatkan Belanda dan suku bangsa Nusantara yang telah bekerjasama dengan penjajah untuk menakluki Makassar.


Sebagai sebuah karya yang sarat dengan propaganda antikolonial, *Syair Perang Mengkasar* cukup dominan dengan ekspresi rasa berang yang dikembangkan melalui gambaran imej penjajah dan suku-suku peribumi yang bersekutu dengan penjajah yang menjadi musuh utama dalam Perang Makassar (1666–1669) (Koster 2005). Melalui syair ini, segala kebencian, perasaan dendam dan amarah pengarang yang turut mewakili masyarakat Makassar dilampiaskan menerusi susunan kata secara indah dan berkesan memberikan sentuhan emosi dan mewujudkan pengalaman estetik kepada audiens (Zubir Idris 2012). Pemerian rasa berang yang dihubungkan dengan penjajah dan penjajahan cukup berkesan dalam mempengaruhi pandangan audiens terhadap penjajah dan kesan penjajahan.

Namun, perbincangan berhubung emosi marah dan ekspresi berang dalam *Syair Perang Mengkasar* belum diperincikan oleh mana-mana pengkaji. Perbincangan berhubung rasa berang dalam syair ini dapat membuka perspektif baharu berhubung dengan perkaitan antara estetika sebagai strategi kepengarangan propaganda dalam syair-syair perang Melayu.

Rasa berang ialah sebuah fenomena yang berlaku dalam minda audiens hasil daripada rangsangan emosi marah yang berada pada peringkat psikologi audiens (Sohaimi Abdul Aziz 1998). Sohaimi Abdul Aziz (1998) menyatakan bahawa ekspresi rasa berang dalam karya dapat dikesan melalui korelatif objektif atau penentu dalam karya seperti jalinan peristiwa atau situasi yang dapat menimbulkan perasaan marah dalam diri audiens. Oleh itu, makalah ini menggariskan objektif kajian, iaitu mengenal pasti dan menganalisis korelatif objektif rasa berang yang dihidupkan dalam *Syair Perang Mengkasar* melalui pemerian perwatakan penjajah dan penglibatan suku-suku peribumi Nusantara yang bersekutu dengan penjajah.

METODOLOGI KAJIAN

Penelitian dalam makalah ini berorientasikan metodologi kajian kualitatif melibatkan kaedah kajian kepustakaan dan penerapan teori Rasa-Fenomenologi sebagai kerangka analisis teks. Proses penelitian dalam makalah ini terbahagi kepada dua peringkat seperti Rajah 1 berikut:



RAJAH 1. Proses Penelitian

Pada peringkat pertama, penelitian tertumpu kepada pengenalpastian dan penyaringan bahan kajian. Sumber data utama penelitian ini ialah teks *Syair Perang Mengkasar* edisi yang diselenggarakan Skinner (1963), manakala sumber data rujukan dan sokongan pula diperolehi daripada penulisan sarjana-sarjana terdahulu yang diterbitkan dalam bentuk makalah jurnal akademik, kertas kerja persidangan dan buku ilmiah, serta tesis penyelidikan yang tidak diterbitkan. Pada peringkat kedua pula, tumpuan penelitian adalah terarah kepada analisis teks. Penelitian ini menerapkan teori Rasa-Fenomenologi yang diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz (1998) sebagai kerangka analisis dengan batasan kepada rasa berang dan emosi marah dalam topografi emosi tetap. Proses analisis teks melibatkan pembacaan rapi secara berulang kali untuk menguasai teks dan mengenal pasti korelatif objektif rasa berang yang dikembangkan oleh pengarang melalui teknik kepengarangannya seperti lakaran watak dan perwatakan, jalinan peristiwa dan juga gaya bahasa dan pemilihan diksi yang berkesan untuk mencerminkan emosi dan menguasai jiwa audiens karya.

TEORI RASA-FENOMENOLOGI

Teori Rasa-Fenomenologi merupakan sebuah teori estetika yang berlandaskan falsafah keindahan subjektif kerana menumpukan kepada pengalaman estetik pembaca hasil penghayatan terhadap karya sastra yang disebut sebagai “rasa” atau “ekspresi sastra”. Teori ini diperkenalkan oleh Sohaimi Abdul Aziz dalam tesis penyelidikan beliau di peringkat kedoktoran falsafah di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1995 dan kemudian diterbitkan oleh

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan judul *Rasa-Fenomenologi: Penerapan terhadap Karya A. Samad Said* (1998). Teori ini sebenarnya adalah hasil daripada gabungan dan penyesuaian oleh dua teori lain, iaitu teori Rasa-Dhvani yang merupakan teori estetika klasik India (timur) dan teori Fenomenologi Roman Ingarden yang merupakan teori bacaan dari Poland (barat).

Menurut Sohaimi (1998), teori Rasa-Fenomenologi memberikan perhatian kepada aspek psikologi pembaca yang berasaskan konsep emosi tetap. Justeru itu, teori ini mengadaptasi satu konsep penting daripada teori Rasa-Dhvani, iaitu topografi emosi tetap yang dipercayai berada pada lapisan minda bawah sedar manusia dan wujud secara universal. Terdapat sembilan jenis emosi dalam topografi emosi teori Rasa-Dhvani, yakni emosi kasih, riang, sedih, marah, bertenaga, takut, jijik, hairan dan tenteram yang akan ditransformasikan menjadi ekspresi sastra atau rasa berahi, lucu, duka, berang, wira, dahsyat, benci, kagum dan tenang apabila dirangsang oleh korelatif objektif atau penentu dalam karya sastra. Namun dalam konteks teori Rasa-Fenomenologi, teori ini hanya mengadaptasi lapan jenis sahaja emosi tetap, iaitu emosi kasih, riang, sedih, marah, bertenaga, takut, jijik dan hairan, manakala emosi tenteram pula digugurkan kerana ia berhubung dengan falsafah metafizik Hindu dan menjurus ke arah kerohanian yang menjadikannya tidak bersesuaian untuk diterapkan dalam kajian kritikan karya yang bernuansa sensual dan universal.

Berikut merupakan rangkuman kepada emosi tetap dan hasil transformasinya dalam bentuk ekspresi sastra atau rasa mengikut teori Rasa-Fenomenologi:

JADUAL 1. Transformasi Emosi Tetap ke Ekspresi Sastra atau Rasa dalam Teori Rasa-Fenomenologi

Emosi Tetap	Korelatif Objektif / Penentu	Ekspresi Sastra / Rasa
Emosi Kasih		Rasa Berahi
Emosi Riang		Rasa Lucu
Emosi Sedih		Rasa Duka
Emosi Marah	Jalinan peristiwa, situasi, watak dan perwatakan, gaya bahasa, dan lain-lain dalam karya.	Rasa Berang
Emosi Bertenaga		Rasa Wira
Emosi Takut		Rasa Dahsyat
Emosi Jijik		Rasa Benci
Emosi Hairan		Rasa Kagum

Sumber: Diubah suai daripada Sohaimi Abdul Aziz (1998)

Daripada teori Fenomenologi pula, Rasa-Fenomenologi mengadaptasi penjelasan interaksi yang berlaku antara struktur karya sastra dan respons daripada pembaca hasil daripada interaksi (pembacaan) tersebut (Sohaimi Abdul Aziz 2014). Teori Fenomenologi menganggap bahawa pengalaman estetik sebagai sebuah fenomena yang berlaku daripada kesedaran manusia. Dalam kesedaran ini, persepsi pembaca berinteraksi rapat dengan karya sastra sehingga mewujudkan objek estetik (Sohaimi Abdul Aziz 1998). Menurut Sohaimi (1998), ketika dalam proses pembacaan, berlakunya tiga proses secara serentak dalam minda pembaca, iaitu emosi tetap pembaca ditransformasikan menjadi emosi estetik; objek seni (karya sastra) yang dibaca ditransformasikan menjadi objek estetik; dan kesedaran biasa pembaca bertukar menjadi kesedaran estetik. Proses interaksi ini mewujudkan rasa atau pengalaman estetik dalam diri pembaca. Walaupun pengalaman estetik bersifat subjektif, tetapi melalui teori ini, pengalaman estetik itu dapat diperjelas dan dikonkritkan.

Jelas Sohaimi (1998) lagi, rasa atau ekspresi sastra dalam sesebuah karya dapat dikesan melalui korelatif objektif atau penentu yang telah dirakamkan oleh pengarang melalui teknik penulisannya seperti jalinan peristiwa dalam karya, lakaran watak dan perwatakan, latar penceritaan, penggunaan gaya bahasa yang berkesan, pemilihan diksi dan aspek lain-lain lagi yang dapat dikesan dalam karya. Bukan itu sahaja, teori Rasa-Fenomenologi juga membenarkan pembaca untuk merujuk di luar karya (ekstrinsik) seperti mengkaji aspek sosiologi sastra, latar belakang sejarah dan kebudayaan pengarang dan masyarakat, dan juga unsur dialogik antara karya dengan karya yang lain untuk menghuraikan kekaburan dalam teks yang diistilahkan sebagai “kajian praestetik”. Kajian praestetik ini berlaku pada peringkat awal sebelum pembacaan untuk mendapatkan maklumat secara lebih objektif dan dapat memperkukuhkan pengadilan estetik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perkataan “berang” dalam *Kamus Dewan* (2010) merujuk kepada perasaan marah yang teramat sangat atau gusar. Daripada perspektif teori Rasa-Fenomenologi pula, rasa berang ialah sebuah fenomena dalam psikologi manusia yang terhasil daripada rangsangan emosi marah yang berada pada lapisan minda bawah sedar manusia (Sohaimi Abdul Aziz 1998). Berhubung dengan rasa ini

sebagai pengalaman estetik, Bharata-Muni (1951, 113) menyatakan bahawa korelatif objektif atau penentu rasa berang dapat dikenal pasti dalam karya melalui gambaran seperti “... *anger, rape, abuse, insult, untrue allegation, exorcizing, threatening, revengefulness, jealousy, and the like.*” Sohaimi (1998) menjelaskan bahawa korelatif objektif yang dimaksudkan oleh Bharata-Muni ini merujuk kepada situasi atau peristiwa dalam karya yang dapat membangkitkan perasaan marah dan digambarkan dalam karya melalui tindakan seperti membalas dendam, cemburu, fitnah-memfitnah, menghina dan sebagainya.

Menurut Suhairah Ismail (2003), korelatif objektif rasa berang dalam sesebuah novel (dan juga karya sastra umumnya) yang bercorak peperangan kebiasaannya diperikan melalui gambaran kekejaman penjajah, di samping pengkhianatan oleh anak watan yang menjadi tali barut kepada penjajah. Perkara demikian juga dapat ditemukan dalam syair-syair yang bertemakan peperangan yang umumnya memaparkan kekejaman penjajah serta perbuatan khianat oleh suku bangsa sendiri yang memilih untuk membelot tanah air dan masyarakat sendiri. Hasil daripada analisis terhadap teks *Syair Perang Mengkasar* mendapati bahawa Enci’ Amin (pengarang) telah mengembangkan korelatif objektif rasa berang dalam karya ini melalui pemerian terhadap gambaran sikap Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) dan Bugis selaku sekutu utama penjajah itu dengan perwatakan yang kejam. Di samping itu, korelatif objektif rasa berang juga dihidupkan melalui pengkhianatan yang telah dilakukan oleh sebahagian pembesar Makassar ketika di medan perang dan juga penglibatan suku bangsa Nusantara seperti Ambon, Buton dan Ternate yang berpihak membantu ekspedisi VOC untuk menyerang Makassar.

RASA BERANG TERHADAP VOC DAN SUKU BUGIS

Selaku sebuah karya bertemakan peperangan, pengarang menghidupkan korelatif objektif rasa berang dalam *Syair Perang Mengkasar* melalui pelukisan perwatakan negatif watak-watak antagonis utamanya, iaitu Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) dan juga suku Bugis yang menjadi punca utama berakhirnya kemerdekaan Makassar pada abad ke-17. Emosi marah dan perasaan dendam pengarang terhadap watak-watak antagonis ini dapat dikesan di sepanjang syair melalui

penggunaan bahasa kasar dan penuh emosi marah apabila memperkatakan sosok Belanda dan Bugis. Menurut teori Rasa-Fenomenologi, “rasa” bukan sahaja wujud dalam minda audiens karya, tetapi juga turut wujud dalam diri pengarang. Rasa yang sedang dialami pengarang menjadi sumber tenaga kreatif (inspirasi/ilham) untuk berkarya (Sohaimi Abdul Aziz 2017). Melalui penghayatan terhadap rangkap-rangkap syair, audiens dapat membayangkan perasaan marah yang sedang dialami oleh pengarang kesan daripada pengalamannya berhadapan dengan peperangan yang berpunca daripada penjajahan dan pengkhianat bangsa. Emosi pengarang itu kemudian menguasai empati audiens sehingga mereka juga dapat mengalami perasaan yang sama.

Di peringkat kajian praestetik, latar belakang sejarah dan aspek sosiologi sastera karya perlu diteliti untuk memahami karya secara lebih objektif dan mengisi ruang kabur dalam teks untuk membantu dalam pengadilan estetik (Sohaimi Abdul Aziz 1998). Dalam lipatan sejarah, peperangan yang berlaku antara Makassar dan VOC pada 1666–1669 adalah berpunca daripada kehendak VOC untuk memonopoli perdagangan di wilayah Sulawesi dan sekitar, namun tuntutan tersebut ditolak oleh Sultan Hasanuddin (Andaya 1981). Dalam syair ini, kedatangan ekspedisi VOC diceritakan bermula pada rangkap 31 seperti berikut:

Berkampunglah Welanda sekalian djenis
berkatalah Djenderal kapitan jang bengis
djikalau alah Mengkasar nin habis
Tunderu kelak radja di Bugis. (r. 31)

Setelah didengar oleh si Tunderu’
kata Djenderal Welanda jang mabuk
berbangkitlah ia daripada duduk
betalah kelak di medan mengamuk. (r. 32)

Akan tjakap Bugis jang dusta
sehari kubedil robohlah kota
habis kauambil segala harta
perempuan jang baik bahagian beta. (r. 33)

Djika sudah kita alahkan
segala hasil beta persembahkan
perintah negeri kita serahkan
keradjaan di Bone Tunderu’ pohonkan. (r. 34)

(Skinner 1963: 76, 78)

Berdasarkan dialog antara Laksamana Speelman dan Arung Palakka (dalam syair disebut Tunderu’) dalam rangkap-rangkap di atas, audiens syair ini disuguhkan dengan idea bahawa motif kedatangan VOC ke Makassar adalah untuk menyerang negeri itu dengan bantuan Bugis yang dipimpin oleh Arung Palakka. Menerusi petikan rangkap 31 dan 34, audiens difahamkan bahawa penglibatan Arung Palakka dalam ekspedisi VOC itu adalah disebabkan niatnya untuk mendapatkan semula Kerajaan Bone (kerajaan suku Bugis). Beliau ialah sosok kontroversi dalam sejarah Sulawesi Selatan kerana kedudukannya dari sudut pandangan suku Bugis dan suku Makassar cukup berbeza. Bagi suku Bugis, Arung Palakka ialah seorang tokoh bangsawan Bugis yang berjaya menaikkan maruah suku mereka, manakala sebaliknya suku Makassar pula memandang Arung Palakka sebagai pemberontak yang bertanggungjawab dalam kejatuhan Makassar (Pelras 1996).

Konflik etnik antara suku Bugis dan Makassar telah sekian lama berlaku disebabkan oleh dominasi Makassar di wilayah Sulawesi dan sekitar. Selepas Kerajaan Bone ditundukkan, suku Bugis terpaksa hidup dalam penindasan, termasuklah menjadi buruh paksa di Makassar. Kendatipun Arung Palakka dibesarkan di dalam Istana Gowa secara terhormat sebagai bangsawan, namun *siri* dan *pasee* yang mendarah daging dalam dirinya sebagai suku Bugis mendorong beliau melarikan diri keluar dari Makassar ke Batavia untuk bekerjasama dengan VOC bagi menuntut kemerdekaan kerajaan Bone serta mengembalikan semula maruah suku bangsanya yang sekian lama ditindas oleh Makassar (Abu Hamid 2016; Andaya 1981).

Mengkaji latar belakang konflik Bugis–Makassar ini cukup penting sebagai kajian praestetik untuk memahami ideologi, kedudukan dan sudut pandangan pengarang yang mempengaruhi kepengarangannya. Oleh kerana karya ini dikarang melalui perspektif “kemakassaran” yang mewakili sudut pandangan kolektif masyarakat Makassar serta mengambil kira juga kedudukan Enci’ Amin (pengarang) sendiri dalam kerajaan Gowa sebagai jurutulis atau setiausaha Sultan Hasanuddin, maka tokoh Arung Palakka dijadikan sebagai watak

antagonis dengan nukilan perwatakan negatif dalam naratif syair ini. Contoh perwatakan negatif yang dicitrakan oleh pengarang dapat dikesan pada rangkap 32–34 di atas yang memberikan persepsi bahawa beliau merupakan seorang yang meninggi diri, kuat berdusta, kaki perempuan dan juga tamak akan kuasa. Melalui percitraan ini, pandangan audiens mengenai beliau cenderung negatif selari tanggapan masyarakat Makassar umumnya.

KEBIADABAN VOC DAN SEKUTUNYA

Dalam *Syair Perang Mengkasar*, kedatangan VOC semangannya digambarkan tidak disenangi oleh masyarakat Makassar, khususnya disebabkan sikap sombong dan biadab yang ditunjukkan oleh Laksamana Speelman. Contohnya, sikap sombong itu diperlihatkan ketika peristiwa perutusan surat antara Sultan Hasanuddin dan Laksamana Speelman seperti berikut:

Amiral kutuk kafir yang bachil
bitjaranya itu hendak membedil
menjuruh naik sebuah batil
di pantai Garasi ia mengempil. (r. 79)

Naiklah Welanda ada seorang
tempatnyanya undur di Udjung Karang
dinantinja lama tiadalah datang
si kutuk berdajung lalu pulang. (r. 80)

Dibawanja berdjalan menjusur pantai
lalulah naik ke atas balai
keluarlah daeng anak bura'ne
duduk berhimpun terlalu ramai. (r. 81)

Turunlah angin barat jang besar
orang mengadap terkisar-kisar
hendak batja surat si kuffar
dititahkan oleh Sultan jang besar. (r. 82)

Disuruh batja surat Welanda
bunjinja djahat banjak jang bida'ah
adalah berubah muka baginda
berpaling memandang Sultan jang muda. (r. 83)

Seketika baginda duduk
seri Sultan berangkat masuk
kehendak hatinja Welanda kutuk
kita pula disuruhnja tunduk. (r. 84)

(Skinner 1963: 94)

Petikan syair di atas membayangkan bahawa sudah wujud riak-riak kemarahan dan penentangan dalam kalangan masyarakat Makassar terhadap penjajah yang diwakili oleh reaksi Sultan Hasanuddin. Kemarahan itu berpunca daripada kebiadaban Laksamana Speelman (dalam petikan disebut Amiral) yang mengugut untuk menyerang Makassar. Dalam isi kandungan suratnya, Laksamana Speelman menuntut agar Makassar tunduk kepada VOC dan tuntutan biadab itu menimbulkan reaksi berang Sultan Hasanuddin seperti yang diperikan dalam teks seperti "... bunjinja djahat banjak jang bida'ah / adalah berubah muka baginda ...". Perubahan air muka Sultan Hasanuddin selepas membaca surat Laksamana Speelman merupakan perubahan fizikal yang biasa terjadi kepada seseorang yang sedang marah (Nur Atiq Syahirah Che Baharudin & Nordiana Hamzah 2022).

Reaksi Sultan Hasanuddin dalam petikan selari dengan korelatif objektif yang dijelaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz (1998) sebelum ini, yakni situasi atau peristiwa yang membangkitkan perasaan marah dan diperlihatkan melalui tindakan watak seperti membalas dendam, cemburu, menghina dan sebagainya. Audiens yang menghayati rangkap-rangkap syair ini turut dapat merasai emosi Sultan Hasanuddin itu. Di sepanjang teks syair yang dipetik juga dapat ditemukan pelbagai diksi yang berkonotasi negatif digunakan oleh pengarang untuk merujuk kepada VOC dengan tujuan menghina seperti "kutuk kafir jang bachil", "si kutuk", "si kafir", "bunjinja djahat banjak jang bida'ah" dan "Welanda kutuk". Pengolahan diksi dan bahasa yang negatif ini berkesan dalam menghidupkan emosi marah dalam jiwa audiens syair.

Seperkara yang agak berbeza dalam kepengarangan teks ini ketimbang syair-syair lain ialah wujudnya penggunaan unsur bahasa yang kasar, lancang dan juga jelik seperti contoh dalam petikan sebelum ini. Gaya kepengarangan ini bertentangan dengan konvensi kepengarangan Melayu tradisi yang umumnya amat menekankan penggunaan bahasa yang "sesuai dan patut" selari dengan falsafah keindahan Melayu (Muhammad Haji Salleh 2000). Namun, ini tidak bererti pengarang melanggar

hukum falsafah keindahan Melayu kerana jika diteliti semula, penggunaan bahasa dan frasa yang kasar, serta pemilihan diksi berkonotasi negatif dalam konteks karya yang bertemakan peperangan seperti *Syair Perang Mengkasar* ini boleh dianggap sebagai “sesuai dan patut” apabila ditujukan kepada pihak musuh. Bahkan, penggunaan unsur bahasa sebegini berkesan untuk menyampaikan emosi pengarang serta dapat mencemarkan maruah musuh.

Kebiasaan dan kekejaman VOC dan sekutunya diperikan lagi melalui peristiwa penjarahan kampung penduduk tempatan ketika ekspedisi VOC dalam perjalanan menuju ke Pulau Buton yang berada di Sulawesi Tenggara. Kejadian itu disebutkan seperti berikut:

Sekalian kapal berlarai kain
di anak negeri singgah bermain
turunlah Welanda kafir jang bain
mengambil njiur buah jang lain. (r. 93)

Durjana sungguh Bugis Welanda
singgah di kampung membawa sendjata
lalulah ia pergi mendjarah
dibakarnya rumah beberapa buah. (r. 94)

(Skinner 1963: 98)

Menerusi petikan di atas, audiens dapat membayangkan sikap durjana VOC dan Bugis apabila mereka dengan sengaja menimbulkan huru-hara di kawasan kampung penduduk tempatan dengan merompak hasil tanaman, lalu menjarah dan membakar kediaman mereka. Perbuatan durjana mereka ini berkesan untuk merangsang emosi marah audiens yang berempati dengan nasib penduduk yang menjadi mangsa kekejaman penjajah itu. Dalam keadaan ini, gambaran kejadian yang mencemaskan itu berupaya memberikan perubahan kepada fisiologi audiens seperti meningkatkan degupan jantung dan mengencangkan hembusan nafas audiens yang menempatkan diri mereka pada posisi penduduk kampung itu (Kaleiwani Subramoniam & Manonmani Devi M.A.R Annamalai 2023). Kekejaman dan kebiasaan mereka tidak terhenti pada kejadian itu sahaja, malah ketika peperangan di Buton juga VOC membuktikan bahawa mereka

tidak memiliki sifat perikemanusiaan apabila telah membuang tawanan perang ke sebuah pulau terpencil tanpa sebarang sumber makanan dan air bersih untuk dibiarkan mati secara perlahan akibat kebuluran. Kekejaman itu disebutkan pengarang pada rangkap 127 berikut:

Perketi Welanda Bugis jang serau
banjaknya Mengkasar dibuangnja ke pulau
dimurkai Allah djuga engkau
diachirat kelak tergagau-gagau. (r. 127)

(Skinner 1963: 106)

Sesungguhnya perbuatan itu tidak melambangkan sifat perikemanusiaan kerana tawanan perang dibiarkan terseksa dalam jangka masa yang lama sebelum meninggal dunia. Kekejaman ini bagaimanapun bukan perkara yang asing dalam sejarah kolonialisme di Nusantara. Pencabulan hak asasi manusia seperti rampasan harta benda, pengasingan ke luar wilayah dan hukuman mati merupakan tindakan yang sering dilakukan oleh penjajah terhadap peribumi yang menentang kekuasaan mereka dan trauma penjajahan ini dikongsi secara kolektif oleh masyarakat Nusantara. Justeru itu, perbuatan kejam penjajah ini berupaya menyentuh memori audiens yang turut berhadapan dengan trauma pengalaman perang dan berupaya menimbulkan dendam kepada penjajah dalam syair.

TIPU HELAH DALAM SYARAT PERJANJIAN BUNGAYA

Sikapburuk golongan penjajah turut dimanifestasikan melalui tipu helah yang dilakukan mereka dalam pensyaratan perjanjian damai yang dikenali sebagai Perjanjian Bungaya. Menurut Skinner (1963), sebuah perjanjian damai telah dimeterai antara VOC dan Makassar pada 18 November 1667 selepas kekalahan pertama Makassar dalam Perang Makassar. Namun, isi kandungan syarat perjanjian tersebut boleh dianggap sebagai berat sebelah dan tidak adil kepada Makassar kerana merugikan mereka. Antara syarat perjanjian itu disebutkan dalam syair seperti berikut:

Berkatalah Amirah meneguhkan djandji
serta menjebut nama Kompeni
segala hartanja disuruhnja ganti
banjaknja itu lima puluh kati. (r. 417)

Didjawab oleh Radja jang tua
Kapitan we djangan berhati dua
jang emas itu kita ganti djua
betapun tidak mau ketjewa. (r. 418)

Sukalah hati kafir jang dusta
tertawa-tawa ia berkata
di Udjung Pandang suatu kota
berilah pindjam kepada kita. (r. 419)

Itupun diberi oleh Karaeng
sebab katanja dipindjam saming
berkenanlah tipu si kuffar andjing
sukalah hati Bone dan Sopeng. (r. 420)

(Skinner 1963: 186, 188)

Berdasarkan petikan teks di atas, antara syarat perjanjian tersebut yang merugikan pihak Makassar ialah mereka perlu menanggung dan membayar semula ganti rugi perang yang dialami oleh VOC dan Makassar juga perlu memberikan Kota Udjung Pandang kepada VOC untuk penempatan mereka. Syarat-syarat ini sudah pastilah mendatangkan kerugian kepada Makassar kerana bukan sahaja maruah mereka tergadai akibat kekalahan mereka dalam perang, bahkan mereka juga terpaksa menanggung bebanan kerugian perang dan juga kehilangan kedaulatan tanah air apabila perlabuhan utama mereka telah jatuh ke tangan penjajah akibat tipu helah mereka dalam syarat perjanjian. Maka, syarat perjanjian itu sebenarnya ditentang oleh para pembesar Makassar yang melihat syarat tersebut sebagai merugikan mereka (Fadli 2022). Menurut Muhammad Nor Sahfiq Amran dan Mas Rynna Wati Ahmad (2021), rasa berang juga wujud apabila seseorang mengalami pengalaman ditipu, dikhianati dan perbuatan yang menyakitkan hati. Perkara ini selari dengan situasi yang dialami oleh masyarakat Makassar dalam peristiwa tersebut yang membangkitkan perasaan tidak puas hati mereka.

Ketidakpuasan hati masyarakat Makassar berhubung syarat perjanjian itu diperikan pegarang menerusi reaksi pada rangkap 420, iaitu "...berkenanlah tipu si kuffar andjing." Ketidakadilan dalam syarat perjanjian damai ini dianggap sebagai satu tipu helah oleh pengarang dan kemarahan

terhadap sikap penjajah itu diperkukuh dengan diksi "si kuffar andjing" yang menggambarkan kebencian dalam diri pengarang dan masyarakat Makassar kepada Belanda. Audiens yang menghayati syair ini melalui perspektif Makassar turut dapat merasakan ketidakadilan ini dan ia berupaya menimbulkan perasaan simpati audiens kepada masyarakat Makassar dan perasaan tidak puas hati kepada VOC.

KEJATUHAN KOTA UDJUNG KE TANGAN PENJAJAH

Korelatif objektif rasa berang terhadap penjajah dan sekutu utamanya dimantapkan melalui gambaran dan tindak-tanduk mereka selepas kejatuhan Kota Udjung Pandang kepada VOC. Dalam petikan berikut, pengarang menceritakan keadaan Kota Udjung Pandang selepas Perjanjian Bungaya dan reaksi masyarakat selepas tanah air mereka dikuasai oleh bangsa asing:

Duduklah Bugis di Udjung Pandang
sehari-hari ke Sambo(pu) berulang-ulang
segenap kampung mengambil orang
sekalian Bone kembali pulang. (r. 427)

Semuanya itu menaruh dendam
melihatkan laku Bugis djahanam
sabarlah ia sekalian diam
sekadar sendjatanja dipertadjam. (r. 428)

Tetaplah Amiral di Udjung Pandang
ramailah orang ke sana datang
membawa emas penukar uang
murahnja sangat bukan kepalang. (r. 429)

Djika di balai terlalu ramai
tandanja putus sudah berdamai
Amiral mengeluarkan kain permai
setengah diberikan Sopeng dan Bone. (r. 430)

Perinja nasib untung jang malang
sudah putik mendjadi kembang
melihat fi'il Nasrani djembalang
hatiku panas bukan kepalang. (r. 431)

(Skinner 1963: 190)

Menurut petikan syair ini, selepas peristiwa Perjanjian Bungaya, ramai suku Bugis yang sebelum ini telah menjadi buruh paksa di Makassar telah dibebaskan dan kembali semula ke Bone. Perkara itu sudah pasti menumbulkan perasaan malu dan marah

dalam kalangan masyarakat Makassar kerana ia membuktikan bahawa mereka telah menjadi lemah. Ketidakpuasan hati mereka diperikan dalam rangkap 428 apabila pengarang menyatakan bahawa masing-masing itu menaruh perasaan dendam terhadap perilaku suku Bugis yang berjaya membebaskan diri mereka, tetapi ketidakpuasan hati itu hanya didiamkan, namun pada waktu yang sama mereka sentiasa bersiap siaga untuk bangkit kembali seperti yang diperikan menerusi frasa “sekadar sendjatanja dipertadjam.”

Selain itu, pengarang juga meluahkan ketidakpuasan hati masyarakat Makassar selepas Kota Ujung Pandang dikuasai oleh VOC. Dalam rangkap 429–430, pengarang menggambarkan keadaan perdagangan di pelabuhan Makassar yang sangat sibuk, namun segala keuntungan itu dimonopoli oleh VOC dan sekutunya yang lain. Hal demikian menimbulkan reaksi tidak puas hati pengarang pada rangkap 431 apabila pengarang menyebutkan “hatiku panas bukan kepalang.” Frasa tersebut secara jelas melambangkan perasaan berang pengarang akibat terpaksa menyaksikan nasib masyarakatnya selepas hidup di bawah kekuasaan bangsa asing. Emosi marah pengarang itu berupaya merangsang audiens untuk turut dipengaruhi emosi tersebut dan merasakan berang kepada bangsa asing yang telah menguasai Makassar.

RASA BERANG TERHADAP PENGKHIANATAN SUKU BANGSA

Rasa berang dalam *Syair Perang Mengkasar* tidak hanya dikembangkan melalui korelatif objektif yang melibatkan penjajah dan sekutu utamanya sahaja, bahkan korelatif objektif rasa berang juga diekspresikan oleh karya ini melalui tindakan khianat oleh sebahagian pembesar Makassar ketika berada di medan perang dan juga penglibatan suku peribumi Nusantara seperti suku Ambon, Buton dan Ternate yang menjadi tenaga tentera bantuan kepada ekspedisi VOC untuk menyerang Makassar.

PEMBELOTAN PEMBESAR MAKASSAR DI MEDAN PERANG

Pengkhianatan yang diibaratkan dalam peribahasa Melayu sebagai “duri dalam daging” ini telah diceritakan dalam *Syair Perang Mengkasar* dalam

dua peristiwa utama. Pertamanya, ketika peristiwa peperangan yang berlaku di Buton. Dalam peristiwa ini, individu yang menjadi barah dalam angkatan tentera Makassar ialah Keraeng Bonto Maranu yang merupakan pemimpin angkatan tentera itu sendiri. Pengkhianatan beliau disebutkan seperti berikut:

Dipudjuk Amiral kafir jang durhaka
Keraeng Bonto Maranu hatinja suka
lupalah ia akan isi neraka
daripada bebalnja ia tjelaka. (r. 112)

Keraeng Bonto Maranu naik ke darat
mengambil sendjata sekalian ra'yat
segala jang berkeris disuruhnja ikat
banjaklah Mengkasar jang terkerat. (r. 114)

(Skinner 1963: 102)

Dalam episod peperangan ini, Keraeng Bonto Maranu telah diberikan amanah oleh Sultan Hasanuddin untuk memimpin Makassar ke Pulau Buton bagi menghalau keluar VOC dari wilayah tersebut. Walau bagaimanapun, peperangan itu menyaksikan kekalahan di pihak Makassar yang memaksakan Keraeng Bonto Maranu membuat rundingan damai dengan Laksamana Speelman. Dalam pertemuan untuk rundingan itu, kesetiaan beliau kepada pasukan pimpinan dan tanah airnya diuji apabila dipujuk oleh Laksamana Speelman untuk membelot pasukan pimpinannya sendiri.

Dalam petikan rangkap 112, beliau diceritakan telah gagal untuk menolak pujukan itu dan telah termakan janji Laksamana Speelman. Dalam situasi itu, pengarang telah menyifatkan Keraeng Bonto Maranu sebagai seorang yang telah melupakan isi neraka kerana gagal dalam menjalankan amanah sebagai pemimpin. Kegagalan beliau dalam mempertahankan kesetiaan kepada pasukannya mengakibatkan banyak tentera pimpinannya yang terbunuh seperti yang diceritakan pada rangkap 114. Perbuatan Keraeng Bonto Maranu ini membuktikan beliau seorang pemimpin yang gagal dan menjadi punca kepada kejatuhan Makassar.

Sebuah lagi perbuatan belot dalam kalangan pembesar Makassar berlaku ketika Makassar sedang melakukan persiapan perang. Dalam episod kali ini, perbuatan khianat ini dilakukan oleh dua pembesar Makassar yang bertanggungjawab dalam mengawasi benteng pertahanan Makassar seperti yang diceritakan berikut:

Pertama mula perkataan
Datu' Bangkal mentjari djalan
sungguhpun ia orang budiman
kepada Admiral ia bertolan. (r. 436)

Dengarkan chabar tuan dan datu'
akan Keraeng Bangkal dan Lajo'
berbuat benteng tidaklah elok
'akalnja itu hendak berkelok. (r. 437)

Harinja naik pagi-pagi hari
tinggallah benteng Welanda Nasrani
tidaklah saja pandjangi lagi
seorangpun tidak pertjaja lagi. (r. 438)

Ketika malam sudahlah hari
berbunjilah bedil kaum Nasrani
Datu' jang menghampiri
Keraeng Bangkal lalu lari. (r. 439)

Keraeng itu lari ke darat
habislah dibawanja sekalian ra'jat
kepada Amiral berkirim surat
minta didjemput berbangat-bangat. (r. 440)

Kepada Datu' disuruhkan
oleh Amiral Penghulu Kapitan
serta bertemu diberinja makan
lalu ia turun berdjalan. (r. 441)

Berdjalan itu tidak memandang
mendapatkan Amiral ke Udjung Pandang
serta bertemu lalu berpegang
Keraeng we djangan berhati bimbang. (r. 442)

(Skinner 1963: 192, 194)

Pada rangkap 436–438, riak-riak awal pembelotan Keraeng Bangkal dan Keraeng Lajo' telah diceritakan apabila mereka telah berkira-kira untuk berkelok kepada Makassar dan menyertai VOC. Selaku pemimpin dalam masyarakat yang berpengaruh, pembelotan mereka turut mempengaruhi pengikut masing-masing. Hal ini terbukti dalam rangkap berikutnya apabila mereka telah disertai oleh pengikutnya melarikan diri meninggalkan kubu pertahanan masing-masing dan bersatu dengan penjajah pada waktu malam. Perbuatan belot ini telah menjadi punca kelemahan kepada benteng pertahanan Makassar ketika peperangan (Koster 1997).

Pembelotan dalam kalangan pembesar Makassar seperti yang diceritakan dalam dua peristiwa yang dibahaskan ini menjadi korelatif objektif rasa

berang dalam *Syair Perang Mengkasar*. Sikap yang seperti “duri dalam daging” ini telah menjadi barah kepada Makassar. Malah, naratif dalam syair ini telah meletakkan kesalahan kepada pembelotan dalam kalangan pembesar sebagai punca kejatuhan Makassar (Koster 1997). Sesungguhnya pembelotan dalam kalangan pembesar dan masyarakat menjadi korelatif objektif yang kukuh untuk merangsang emosi marah dalam minda audiens karya kerana perbuatan khianat ini bertentangan dengan norma masyarakat dan ideologi kolektif masyarakat Nusantara yang cukup mementingkan taat setia kepada raja/pemerintah dan juga tanah air. Pemikiran ini berakar daripada pengangan psikologi budaya masyarakat Melayu/Nusantara tradisional yang cukup berpegang kepada konsep daulat dan derhaka. Kedua-dua konsep ini telah mengikat hubungan antara raja dan rakyat. Dalam konteks ini, raja atau pemerintah ditempatkan pada kedudukan yang tinggi, manakala rakyat pula bertanggungjawab dalam mempertahankan kedudukan raja/pemerintah serta kekuasaan mereka, termasuklah apabila berhadapan dengan ancaman kuasa luar yang berupaya menggugat kedaulatan raja dan negara (Zubir Idris 2017). Mengambil kira ideologi kolektif masyarakat pada zaman tersebut, maka pengkhianatan yang ditampilkan dalam syair ini berupaya merangsang emosi marah audiens yang turut berpegang dengan ideologi yang sama serta mendorong perasaan berang terhadap watak-watak pembelot tersebut.

PENGLIBATAN SUKU BANGSA NUSANTARA SEBAGAI TENTERA BANTUAN VOC

Pengkhianatan yang dinukilkan dalam *Syair Perang Mengkasar* bukan sahaja dikaitkan dengan tindakan pembelotan sebahagian pembesar dan rakyat Makassar yang berpaling tadah kepada penjajah ketika di medan perang, malah pada skop yang lebih luas, pengkhianatan juga ditampilkan pengarang melalui penglibatan suku bangsa peribumi Nusantara yang lain seperti suku Ambon, Buton dan Ternate/Meluku yang berpihak kepada penjajah dengan membuka negeri mereka kepada ekspedisi VOC dan turut menyalurkan kekuatan ketenteraan bagi membantu VOC mengalahkan Makassar ketika di

medan perang. Penglibatan mereka dilihat sebagai pengkhianatan kepada solidariti bangsa dan agama Islam, khususnya bagi suku-suku daripada kerajaan Islam seperti Buton dan Ternate.

Dalam perspektif sejarah, penglibatan suku-suku peribumi sekitar Sulawesi dan Kepulauan Maluku dalam membantu VOC untuk menundukkan Makassar adalah berhubung rapat dengan sejarah hegemoni Makassar dalam politik serantau. Untuk membebaskan kerajaan-kerajaan sekitar daripada kekuasaan Makassar, maka kerajaan-kerajaan ini memilih untuk berpihak kepada VOC (Andaya 1981). Meskipun begitu, dari sudut pandangan pengarang, penglibatan mereka dalam membantu VOC merupakan satu pengkhianatan kepada bangsa kerana berpihak kepada penjajahan asing. Penglibatan suku-suku peribumi ini menjadi punca kepada dendam dan amarah, dan hal demikian diperikan dalam rangkap-rangkap syair dengan penggunaan gaya bahasa dan pemilihan diksi yang keras, berkonotasi negatif dan bertujuan untuk menghina dan merendah-rendahkan mereka. Sebagai contohnya:

Belajarlal Welandi dari Bantaeng
kelihatan lajarnja putih terdinding
dilihat oleh sekalian Keraeng
Buton dan Ambon si Sula andjing. (r. 220)

(Skinner 1963: 132)

Setelah pagi harinja itu
naiklah Welandi di Batu-Batu
Bugis Meluku si Buton hantu
membawa setinggar seorang satu. (r. 301)

(Skinner 1963: 154)

Petikan-petikan di atas merupakan contoh-contoh rangkap syair yang memperlihatkan perasaan dendam dan permusuhan yang dirasakan oleh pengarang terhadap suku-suku peribumi Nusantara yang berpihak kepada penjajah dalam meruntuhkan Makassar. Dalam contoh-contoh yang dipetik ini, dapat dilihat bagaimana pengarang menggunakan kalimat dan diksi yang berbau negatif dan menghina seperti “andjing” dan “hantu” bagi memperlihatkan kemarahannya terhadap penglibatan mereka dalam menentang Makassar. Hal ini selari dengan pandangan oleh Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2020) dan Muhammad

Khalil Khirruddin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2022) yang menyatakan bahawa ekspresi rasa berang dalam karya dizahirkan melalui tindakan seperti memaki hamun, menghina, mencarut dan sumpah seranah. Justeru itu, diksi-diksi yang menghina ini menjadi korelatif objektif rasa berang yang kukuh untuk memperikan perasaan marah.

Apabila dikaji lebih teliti di keseluruhan syair, boleh dikatakan kemarahan utama pengarang adalah lebih tertuju kepada suku-suku peribumi daripada kerajaan Islam seperti Buton dan Ternate yang berpihak kepada penjajah (kafir). Dalam konteks ini, kemarahan ini berpunca daripada sentimen solidariti Islam. Daripada perspektif pengarang, penglibatan suku Buton dan Ternate dalam membantu VOC bukan sahaja pengkhianatan bangsa, tetapi yang lebih utama adalah pengkhianatan kepada agama Islam kerana mereka telah membantu golongan penjajah yang kafir untuk meruntuhkan Makassar yang merupakan sebuah kerajaan Islam. Sentimen agama ini dapat dikesan pada rangkap berikut:

Buton la'nat menjangkan djagung
lupalah ia akan agama nabi
sungguhpun ia tiada makan babi
pakaianja sudah menurut Serani. (r. 119)

(Skinner 1963: 104)

Dalam rangkap di atas, pengarang secara jelas telah membangkitkan sentimen agama sebagai tomanan kepada suku Buton yang berpihak kepada penjajah dalam menyerang Makassar. Pengarang telah menuduh suku Buton telah melupakan agama Islam dan terpengaruh dengan kebudayaan Kristian/Eropah (Serani). Penggunaan sentimen agama sebagai strategi cemuhan cukup berkesan untuk meruntuhkan maruah golongan Muslim yang bekerjasama dengan golongan kafir. Audiens syair yang terdiri daripada golongan Muslim yang berpegang dengan ideologi jihad dan solidariti Islam akan terpengaruh dengan sudut pandangan amarah pengarang yang merasa dikhianati oleh suku peribumi Islam seperti Buton yang telah membelakangkan Islam dan bersatu dengan golongan kafir (lihat penulisan Bagus Kurniawan [2015] dan Zubir Idris [2016] untuk penjelasan lanjut berhubung jihad sebagai ideologi dan asas etnosentrisme masyarakat Melayu/Muslim Nusantara).

KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan ekspresi rasa berang yang cukup dominan dalam *Syair Perang Mengkasar* melibatkan kekejaman penjajah dan pengkhianatan suku bangsa peribumi Nusantara yang membantu penjajah dalam menjatuhkan Makassar dalam Perang Makassar (1666–1669). Hasil daripada pengenalanpastian kepada korelatif objektif rasa berang dalam syair ini dan analisis daripada perspektif teori Rasa-Fenomenologi, maka ditemukan bahawa pengarang telah menghidupkan rasa berang dalam *Syair Perang Mengkasar* menerusi jalinan peristiwa yang menggambarkan perwatakan kejam dan biadab pihak Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) selaku penjajah dan suku Bugis selaku sekutu utamanya. Selain itu, rasa berang juga dikembangkan pengarang melalui peristiwa yang memaparkan pembelotan dalam kalangan pembesar seperti Keraeng Bunto Maranu, Keraeng Bangkal dan Keraeng Lajo' serta rakyat Makassar ketika di medan perang yang menjadi salah satu punca utama kepada kejatuhan Makassar. Di samping itu, korelatif objektif rasa berang juga diberikan menerusi penglibatan suku-suku bangsa peribumi Nusantara seperti Ambon, Buton dan Ternate yang berpihak kepada VOC dengan membuka negeri mereka kepada penjajah dan menyalurkan tenaga bantuan ketenteraan kepada VOC ketika menyerang Makassar. Menerusi penghayatan terhadap korelatif objektif yang dihidupkan oleh pengarang dalam karya, maka audiens syair ini turut dipengaruhi oleh emosi marah yang dilampiaskan oleh pengarang dan menimbulkan perasaan berang terhadap penjajahan asing dan pengkhianatan bangsa. Hasil daripada perbincangan dalam makalah ini membuka ruang kepada wacana tentang propaganda antikolonial dalam karya-karya sastera Melayu tradisional sebagai respons kepada penjajahan dan mesej-mesej itu diolah secara indah untuk mempengaruhi audiens dengan apa yang hendak disampaikan berhubung kesan penjajahan.

RUJUKAN

- Abu Hamid. 2016. Pahlawan kemerdekaan Tana Bone. Dlm. Muhammad Idris Patarai (pnyt.). *Arung Palakka Sang Fenomenal*, hlm. 1–22. Makassar: De La Macca.
- Ahyar Anwar. 2009. "Syair Perang Mengkasar": Antara otensitas sejarah, transformasi emosi, dan eksistensi komunitas Melayu di Gowa. *Humaniora* 21(3): 330–337
- Ali Ahmad. 1987. *Karya-karya Sastera Bercorak Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, L.Y. 1981. *The Heritage of Arung Palakka: A History of South Sulawesi (Celebes) in the Seventeenth Century*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Bharata-Muni. 1951. *The Nāṭyaśāstra: A Treatise on Hindu Dramaturgy and Histrionics*. Terj. Manomohan Ghosh. Calcutta: The Royal Asiatic Society of Bengal.
- Fadli. 2022. Hegemoni Kerajaan Gowa dan Perang Makassar. *Rihlah: Jurnal Sejarah dan Budaya* 10(2): 88–102.
- Jowett, G.S. & O'Donnell, V. 1986. *Propaganda and Persuasion*. California: SAGE Publication.
- Kaleiwani Subramoniam & Manonmani Devi M.A.R Annamalai. 2023. Rasa berang dalam novel Suthattam Aadum Kaalam. *Journal of Education and Social Sciences* 23(1): 45–54.
- Kamus Dewan. 2010. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koster, G. L. 1997. *Roaming through Seductive Gardens: Readings in Malay Narrative*. Leiden: KITLV Press.
- Koster, G. L. 2005. Of treaties and unbelievers: Images of the Dutch in seventeenth- and eighteenth-century Malay historiography. *JMBRAS* 78(1): 59–96.
- Kurniawan, B. 2015. Hegemoni ideologi perang sabil sebagai wacana antikolonial dalam teks Syair Raja Siak. *Jumantara* 6(2): 51–76.
- Muhammad Haji Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Khalil Khirruddin & Mas Rynna Wati Ahmad. 2022. Teori Rasa Fenomenologi dalam novel Nenek. *Prosiding Kolokium Siswazah BITARA Melayu 2022*, hlm. 53–62.
- Muhammad Nor Sahfiq Amran & Mas Rynna Wati Ahmad. 2021. Rasa emosi Hang Jebat dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu* 20(2): 267–281.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1992. *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi. 2015. Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu analisis. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 31(2): 183–194.

- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. 2020. Citra emosi wanita dalam cerpen dan rasa kepada khalayak. *Proceeding: Putrajaya Internasional Conference on Advanced Research*, hlm. 24–38.
- Nur Atiq Syahirah Che Baharudin & Nordiana Hamzah. 2022. Struktur binaan kerangka model emosi watak protagonis wanita berdasarkan novel popular dan realiti. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu* 10(1): 1–14.
- Pelras, C. 1996. *The Bugis*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Skinner, C. 1963. *Sja'ir Perang Mengkasar (The Rhymed Chronicle of the Macassar War) by Entji' Amin*. 'S-Gravenhage: Martinus Nijhoff.
- Sohaimi Abdul Aziz. 1995. Rasa-Fenomenologi sebagai satu teori pengalaman estetik: Satu kajian karya-karya A. Samad Said. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Sohaimi Abdul Aziz. 1998. *Rasa-Fenomenologi: Penerapan terhadap Karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2014. *Teori dan Kritikan Sastra*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. 2017. *Novel dan Puisi dalam Kritikan Sastra*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Suhairah Ismail. 2003. Teori Rasa-Fenomenologi: Penerapan terhadap novel-novel terpilih Zaharah Nawawi. Disertasi Sarjana Sastra. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zubir Idris. 2012. Yang tercatat dan yang tersirat: Keindahan dalam Syair Perang Mengkasar. Dlm. Rahim Aman (pnyt.). *Minda Pelaut dan Kenangan Tanah Leluhur: Kemelayuan Malaysia-Indonesia*, hlm. 37–55. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zubir Idris. 2013. *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu-Belanda*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zubir Idris. 2016. Jihad as the core of Malay ethnocentrism. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 24(S): 153–166.
- Zubir Idris. 2017. Etnosentrisme: Kepengarangan dalam syair perang Melayu Nusantara. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu* 5: 266–291.